

Yi Wei terima habuan tertinggi

UM 3 - NOV 2001

ATLET gimnasta, Goh Yi Wei menerima habuan Skim Hadiah Kemenangan (SHAKAM) terbanyak dengan meraih RM16,666 pada majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang pingat emas Sukan SEA XXI di Kuala Lumpur, semalam, lapor **JOHARI SHAWAL**.

Yi Wei meraih habuan besar itu hasil kejayaannya menggonclol empat pingat emas pada temasya dwi tahunan itu yang berlangsung 8-17 September lalu.

Atlet remaja berusia 17 tahun dari Gombak, Selangor itu meraih emas dalam acara all-round inclusivu, gelung, belantan dan berpasukan.

Oh Poh Soon dari acara wusyu dan Leong Mun Yee dalam acara terjun, masing-masing meraih RM15,000 manakala ratu boling negara, Shalin Zulkifli menerima RM14,832 kerana menyumbang empat emas.

Olahragawan Sukan SEA XXI, Mohd. Qabil Ambak Mahamad Fathil yang turut meraih empat emas dalam acara ekuestrian, menerima RM12,500.

Sebanyak 185 atlet yang memenangi emas pada sukan berkenaan menerima habuan masing-masing daripada sejumlah RM775,500 yang dibelanjakan termasuk RM111,000 untuk Skim Galakan Jurulatih (SGAR) dan RM55,500 untuk Skim Pengurusan Sukan (SIKAP).

Semua hadiah disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada majlis berkenaan.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein, Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara yang juga Ketua Kontinjen Malaysia pada temasya itu, Datuk Mazlan Ahmad dan Presiden Majlis Olimpik Malaysia, Tunku Imran Tuanku Ja'afar.

Malaysia mencipta sejarah baru sepanjang penyertaan Sukan SEA yang disertai 10 negara apabila muncul juara keseluruhan buat pertama kali dengan merangkul 111 emas, 75 perak dan 85 gangsa.